KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17.02.22	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	PERHILITAN			

Gajah betina mati disyaki termakan baja tumbuhan

ALOR SETAR - Gajah betina dianggarkan seberat dua tan yang ditemukan mati di tepi Jalan Empangan Pedu berdekatan Kampung Pinang, Pedu di Padang Terap pada Selasa, disyaki termakan baja tumbuhan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kedah, Jamalul Nasir Ibrahim berkata, ia berdasarkan pandangan fizikal pihaknya yang mendapati najis gajah itu berdarah.

"Namun, untuk kita tahu punca sebenar gajah ini mati sebab apa, perlu tunggu keputusan penuh daripada pasukan forensik ibu pejabat Jabatan Perhilitan.

"Sampel gajah ini telah diambil untuk siasatan lanjut dan dibawa ke makmal di Kuala Lumpur," katanya.

Jamalul Nasir menjelaskan, pengamatan pihaknya di sekitar kawasan itu mendapati terdapat stor penyimpanan baja tidak teratur dan berisiko terdedah kepada haiwan yang berkeliaran di situ.

"Jadi, saya berharap petani dan penduduk di kawasan sekitar itu dapat memastikan stor penyimpanan baja sentiasa dalam keadaan teratur dan selamat supaya tidak memudaratkan haiwan," katanya.

Beliau berkata, bangkai gajah itu telah ditanam di satu lokasi berdekatan haiwan itu ditemukan mati.

Pada Selasa, media melaporkan gajah itu ditemukan mati oleh penduduk yang keluar menoreh getah sebelum menghubungi Jabatan Perhilitan kira-kira 8.30 pagi untuk tindakan lanjut. - *Bernama*



Gajah betina ditemui mati terduduk tepi jalan

PADANG TERAP - Seekor gajah betina ditemui mati di tepi Jalan Empangan Pedu dekat Kampung Pinang di sini kira-kira jam 7.30 pagi Selasa.

Penduduk kampung yang hendak menoreh getah, Lan, 23, berkata, kejadian disedari beberapa penduduk yang keluar menoreh sebelum terserempak seekor gajah tidak di tepi jalan.

Menurutnya, haiwan terbabit dilihat dalam keadaan terduduk dengan kesemua empat kaki berlipat.

"Namun, untuk kita tahu punca sebenar gajah ini mati sebab apa, perlu tunggu keputusan penuh daripada pasukan forensik ibu pejabat Jabatan Perhilitan.

"Sampel gajah ini telah diambil untuk siasatan lanjut dan dibawa ke makmal di Kuala Lumpur," katanya.

Jamalul Nasir menjelaskan, pengamatan pihaknya di sekitar kawasan itu mendapati terdapat stor penyimpanan baja tidak teratur dan berisiko terdedah kepada haiwan yang berkeliaran di situ.

"Jadi, saya berharap petani dan penduduk di kawasan sekitar itu dapat memastikan stor penyimpanan baja sentiasa dalam keadaan teratur dan selamat supaya tidak memudaratkan haiwan," katanya.

Beliau berkata, bangkai gajah itu telah ditanam di satu lokasi berdekatan haiwan itu ditemukan mati.

Pada Selasa, media melaporkan gajah itu ditemukan mati oleh penduduk yang keluar menoreh getah sebelum menghubungi Jabatan Perhilitan kira-kira 8.30 pagi untuk tindakan lanjut.

Keratan akhbar *Sinar Harian* pada Rabu.